

SULIT



## **UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**

### **PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER I SESI 2009/2010**

NAMA MATA PELAJARAN : TEKNOLOGI INDUSTRI  
(MEKANIKAL)

KOD MATA PELAJARAN : BBT 2313

KURSUS : SARJANA MUDA TEKNIK DAN  
VOKASIONAL

TARIKH PEPERIKSAAN : NOVEMBER 2009


JANGKA MASA : 2 JAM 30 MINIT

ARAHAN : JAWAB LIMA (5) SOALAN SAHAJA

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI ENAM MUKA SURAT

SULIT

- S1** (a) Terangkan dengan ringkas fungsi pemadam api yang berikut:
- (i) Jenis A. (2 markah)
  - (ii) Jenis B. (2 markah)
  - (iii) Jenis ABC. (2 markah)
- (b) Nyatakan empat keperluan asas yang perlu ada di dalam peti pertolongan cemas. (4 markah)
- (c) Nyatakan lima punca berlakunya kemalangan bengkel yang disebabkan oleh keadaan tempat kerja. (5 markah)
- (d) Huraikan lima langkah pencegahan yang perlu diambil bagi mengelakkan daripada berlakunya kemalangan yang berpunca daripada elektrik. (5 markah)
- S2** (a) (i) Nyatakan dua jenis enjin petrol yang lazim digunakan pada motorsikal. (2 markah)
- (ii) Nyatakan dua kelebihan dan dua kelemahan bagi setiap enjin petrol yang anda nyatakan di (a)(i). (4 markah)
- (iii) Senaraikan empat sistem sokongan yang perlu ada pada sebuah enjin kenderaan. (4 markah)



Rajah S2

(b) Berdasarkan kepada Rajah S2, terangkan operasi enjin petrol itu.

(10 markah)

S3 (a) Namakan empat komponen asas di dalam sistem penyejukan.

(4 markah)

(b) Terangkan tiga kesan kepada sistem penyejukan sekiranya bahan pendingin terlebih cas.

(6 markah)


(c) Diberi:

- (i) motor pemampat.
- (ii) alat beban lampau.
- (iii) geganti arus.
- (iv) suis pintu.
- (v) mentol.

Lukiskan satu sistem pendawaian asas penyejukan dengan menggunakan komponen yang disenaraikan di atas.

(10 markah)

S4




Rajah S4

Rajah S4 adalah sejenis barang perhiasan berbentuk teko yang diperbuat daripada dua jenis bahan logam yang berlainan.

- (a) Namakan jenis penyambungan yang paling sesuai digunakan untuk menggabungkan di antara teko itu dengan kepingan keluli lembut. (2 markah)
- (b) (i) Nyatakan dua kelebihan bagi jenis penyambungan itu dan senaraikan langkah keselamatan semasa menjalankan kerja. (8 markah)
- (ii) Dengan lakaran berlabel, terangkan proses penyambungan yang anda nyatakan pada (i) di atas. (10 markah)

- S5 (a) Apakah yang dimaksudkan dengan proses berikut?
- (i) Proses pemesenan. (2 markah)
- (ii) Proses penyudahan. (2 markah)
- (b) Senaraikan dua perbezaan fungsi di antara mesin kisar dan mesin pembentuk. (4 markah)
- (c) Dengan bantuan gambarajah berlabel, terangkan enam operasi bagi sebuah mesin gerudi meja. (12 markah)

- S6** (a) Nyatakan tiga jenis pendawaian pada kenderaan. (3 markah)
- (b) Terangkan fungsi komponen elektrik yang berikut:
- (i) Bateri. (2 markah)
  - (ii) *Alternator*. (2 markah)
  - (iii) Geganti (*relay*). (2 markah)
  - (iv) Fius. (2 markah)
- (c) Lakar dan labelkan satu litar skematik asas bagi sebuah kenderaan yang mempunyai komponen berikut:
- (i) Bateri 12V.
  - (ii) Fius.
  - (iii) 2 biji mentol.
  - (iv) 2 Geganti.
  - (v) 1 suis
- (9 markah)
- S7** (a) Senaraikan empat komponen asas bagi sistem penyamanan udara. (4 markah)
- (b) Nyatakan fungsi yang berikut:
- (i) Bahan pendingin. (2 markah)
  - (ii) Minyak bahan pendingin. (2 markah)



Rajah S7

Rajah S7 menunjukkan satu lukisan bergambar mengenai prosedur untuk menjalankan kerja mengecas bahan pendingin.

- (c) Terangkan dengan jelas prosedur untuk menjalankan kerja tersebut. (12 markah)

**KERTAS SOALAN TAMAT**